

Kesal sungai bercampur cairan hitam

Penduduk Orang Asli Kampung Guri kecewa Sungai Kemai tercemar, gesa pihak berkuasa ambil tindakan

ROMPIN – Penduduk Orang Asli di Kampung Guri, di sini, tidak puas hati apabila Sungai Kemai yang merupakan anak sungai Rompin itu tercemar, dan secara tidak langsung menjejaskan kehidupan seharian mereka.

Penduduk, Zaimaludin Bedek, 45, berkata, pencemaran sungai berkenaan mula disedari sejak lima bulan lalu apabila melihat terdapat cecair berminyak warna hitam yang mengalir bersama air sungai.

“Sebelum ini tak pernah berlaku tetapi sejak lima bulan lalu kami perasan ia mula tercemar selepas melihat cecair seakan minyak berwarna hitam di permukaan sungai, sekali gus menyebabkan banyak ikan mati.

“Akibat pencemaran ini penduduk kampung yang bekerja sebagai nelayan darat dan berdaftar dengan Jabatan Perikanan, sukar peroleh ha-



Azmi mengambil sampel air sungai Kemai yang tercemar dan diisi dalam botol untuk dijadikan bukti berlakunya pencemaran di sungai berkenaan.

sil sungai yang kami pasti ia disebabkan pencemaran itu,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Bagaimana pun, menurut Zaimaludin, pencemaran itu kini agak berkurangan berikutan disebabkan musim tengkujuh yang me-

nyebabkan air sungai banyak namun mereka mendakwa mempunyai bukti bergambar yang dirakam menggunakan kamera telefon bimbit.

“Kami sudah buat aduan kepada pihak berkuasa tetapi hingga kini masih tiada

tindakan. Kami bimbang jika pencemaran ini terus berlaku akan memusnahkan sungai yang jadi punca rezeki penduduk kampung,” katanya.

Dalam pada itu, seorang penduduk kampung, Azmi Abu, 40, turut menzahirkan



Azmi menunjukkan cecair minyak warna hitam yang mencemarkan sungai Kemai dan sungai Rompin.

rasa tidak puas hatinya terhadap pencemaran yang berlaku dan menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan supaya ia dapat dihentikan.

“Bukan setakat hentikan pencemaran daripada terus berlaku, tetapi pihak yang

menyebabkan pencemaran itu perlu dikenakan tindakan undang-undang supaya menjadi pengajaran kepadanya atau mana-mana pihak di luar sana yang mengambil ringan soal pencemaran alam sekitar,” katanya.